

Tokyo: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan hormat kepada Kementerian Persekutuan Jepun di sini bagi mera-patkan hubungan dua hala terjalin sebelum ini.

Delegasi UMS yang diketuai Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah disambut oleh Ketua Pengarah Biro Pemuliharaan Alam kementerian itu, Kazauaki Hoshino.

Pada pertemuan itu, Prof Harun memberi taklimat mengenai jalinan kerjasama diadakan dengan beberapa universiti negara matahari terbit itu, sebelum ini.

Laporan program

Beliau turut memaklumkan perkembangan usaha sama program pemuliharaan dengan Jepun di negeri itu termasuk Projek Pembangunan Mapan untuk Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Sabah (SDBEC).

Selesai sesi taklimat dan perbincangan itu, rombongan UMS dibawa melawat Pejabat Strategi Biodiversiti

Kunjungan hormat UMS ke Jepun



Harun (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Kazauaki.
B4 13.3.2014 VI\$

Global di kementerian berkenaan.

Delegasi UMS turut disertai Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Prof Dr Charles Vairappan; Pengarah Pusat Pengurusan

Eko-Kampus, Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dan Ketua Penasihat Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) Kota Kinabalu, Kazunobu Suzuki.



Delegasi UMS yang diketuai Harun (tengah) bergambar bersama-sama Kazauaki (dua dari kiri).